

# SYARAHAN UMUM

## “UNIVERSITY-INDUSTRY COOPERATION”

Siwazah Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah berpeluang mendengar syarahan umum bertajuk “*University-Industry Cooperation*” yang disampaikan oleh seorang profesor berpengalaman dari Korea Selatan.

Prof. Jung-Woong Ra, Presiden Gwangju Institute of Science and Technology (GIST), menerangkan tentang pelbagai program di institusi-institusi pendidikan di Korea, termasuk institusinya sendiri, di Bangunan Canselori UMS pada 2 Feb 2005.

Menyentuh tentang fokus Korea terhadap pembangunan akademik, Prof. Jung berkata industri dan infrastruktur Korea adalah berasaskan sektor tertentu, seperti industri elektronik yang kukuh dan pasaran massa untuk chip memori.

“Ada lebih kurang 29 juta pengguna komunikasi selular di Korea, jadi institusi seperti GIST ditubuhkan untuk menyediakan pendidikan bagi graduan jurutera dan saintis,” kata Prof. Jung.